



Ismail Sabri dilantik sebagai Perdana Menteri Kesembilan selepas diperkenankan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. (Foto BERNAMA)

# Pelantikan Ismail Sabri bolehkan PPN diteruskan

BH- 21/8/2021 w/d: 3

**Ahli Parlimen Bera antara individu penting kemas kini SOP putus rantai COVID-19**

kan kembali termasuk dalam usaha memerangi COVID-19 dan program pemberian vaksin.

Ahli Parlimen Bera itu yang sebelum ini berada dalam kerajaan terdahulu adalah antara individu penting yang dipertanggungjawabkan bagi menyusun atur dan mengemas kini prosedur operasi standard (SOP), selain langkah perlu untuk memastikan virus COVID-19 dapat diputuskan rantaianya.

Meskipun pengumuman beliau khusus membabitkan perkembangan terkini Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan aspek keselamatan negara menerusi 'Op Benteng' ada kala tidak digemari rakyat, namun se-

bagai Menteri Kanan Keselamatan dan Menteri Pertahanan, beliau harus mengambil pendekatan tertentu demi kemaslahatan rakyat.

Sepanjang menjawat jawatan menteri kanan, Ismail Sabri, 61, kerap mengingatkan rakyat mengenai kepentingan pematuhan SOP bagi membendung penularan COVID-19 yang boleh membawa maut.

Rintihan pengusaha perniagaan kecil sederhana (PKS) dan pasangan jarak jauh yang terkesan akibat pelaksanaan PKP, turut sentiasa menjadi antara tumpuan Naib Presiden UMNO itu.

Sebaik dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 7 Julai lalu, Ismail Sabri yang juga tokoh politik mudah didekati dan mesra rakyat, turut mengambil penekanan terhadap pematuhan SOP dalam sektor perkilangan, yang menurutnya antara penyumbang kluster tempat kerja.

Sebagai Menteri Pertahanan, beliau menggunakan kapasitinya itu untuk mewujudkan lebih banyak Hospital Medan bagi membantu mengurangkan bebanan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam memberi rawatan kepada pesakit COVID-19. Malah, ketika rakyat nye-

**Nama:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob  
**Tarikh Lahir:** 18 Januari 1960  
**Tempat Lahir:** Temerloh, Pahang

**Keluarga**

- Mendirikan rumah tangga pada tahun 1986 dengan Datin Seri Muhaini Zainal Abidin
- Mempunyai 4 cahaya mata seorang anak perempuan dan 3 anak lelaki iaitu:-
  - Nina Sabrina
  - Gadaffi
  - Nashriq
  - Iqbal

**Pendidikan**

- Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) Universiti Malaya (UM) (1980)
- Tingkatan Enam (6) di Jaya Akademik
- Sekolah Menengah Teknik Kuantan, Pahang (1976)
- Sekolah Menengah Air Putih, Kuantan, Pahang (1973)
- Sekolah Kebangsaan Bangau, Pahang (1967)

**Kerjaya/Perkhidmatan**

- 1985: Peguam
- 1995: 1999: Setiausaha Politik kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
- 2008 - 2009: Menteri Belia dan Sukan
- 9 April 2009 - 2013: Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
- 2013 - 2015: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani
- 2015 - 2018: Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- 12 Mac 2020: Menteri Kanan Pertahanan (Kluster Keselamatan)
- 7 Julai 2021: Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
- 20 Ogos 2021: Perdana Menteri Malaysia kesembilan

**Aktiviti/Kegiatan Luar/Lantikan Lembaga Pengarah**

- 1987: Ahli Majlis Daerah Temerloh
- 1996: Ahli Majlis Perbandaran Temerloh
- 1995: Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pahang Tenggara (DARA) & Ahli Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
- 1996: Pengerusi Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil

**Politik**

- 1987: Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Temerloh
- 1988: Ketua Penerangan UMNO Bahagian Temerloh
- 1993: Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian
- 2001: Timbalan Ketua Bahagian
- 2004: Ketua UMNO Bahagian Temerloh & Ahli Parlimen Bera, Pahang

**Anugerah**

- Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM): Datuk (2004)
- Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM): Datuk Seri (2020)
- Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP): Dato' (2005)
- Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP): Dato' Sri (2008)
- Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK): Datuk Seri Panglima (2020)



Ismail Sabri keluar dari kediaman beliau di Jalan Tropicana Utama, malam tadi. (Foto BERNAMA)

nyak dibuai mimpi, Ismail Sabri kerap turun padang menyantuni petugas barisan hadapan yang bertugas di sekat jalan raya bagi bertanyakan khabar dan menyuntik semangat petugas.

Mengenai program vaksinasi, bapa kepada empat anak itu juga amat menekankan soal pengambilan vaksin dalam kalangan rakyat dan acap kali turun melawat beberapa pusat pemberian vak-

sin (PPV) bagi menggalakkan rakyat terhadap Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PI-CK) yang dilancarkan pada 24 Februari lalu.

Sebagai Ahli Parlimen, aktiviti turun padang menyantuni masyarakat termasuk keluarga susah dan mereka yang kehilangan pendapatan serta pekerjaan akibat pandemik COVID-19, turut menjadi tumpuannya.